PENGAJIAN KITAB IHYA' 'ULUMIDDIN kali ke-38
Kuliah Maghrib kali ke- 122
Surau An-Nur, Sungai Nyior, Trong, Perak

TUGAS KEDUA – Seseorang pelajar itu hendaklah mengurangkan hubungannya dengan urusan duniawi, menjauhkan diri dari kaum keluarga dan kampung halaman. Sebab segala hubungan itu mempengaruhi dan memalingkan hati kepada yang lain.

"Allah tidak menjadikan bagi seseorang manusia itu dua hati dalam rongga tubuhnya." (Al-Ahzab : 4)

Apabila fikiran itu telah terbahagi maka kuranglah kesanggupannya mengetahui hakikat-hakikat yang mendalam dari ilmu pengetahuan. Dari itu dikatakan : ilmu itu tidak menyerahkan kepadamu sebahagian daripadanya sebelum kamu menyerahkan kepadanya seluruh jiwa ragamu. Apabila engkau sudah menyerahkan seluruh jiwa raga engkau, maka penyerahan ilmu yang sebahagian itu masih juga dalam bahaya.

Fikiran yang terbahagi-bahagi kepada hal ehwal yang bermacam-macam itu adalah seumpama sebuah selokan yang mengalir airnya ke beberapa jurusan. Maka sebahagian airnya ditelan bumi dan sebahagian lagi dihisap udara, sehingga yang tinggal tidak terkumpul lagi dan tidak mencukupi untuk tanam-tanaman.

TUGAS KETIGA – Seorang pelajar itu jangan menyombong dengan ilmunya dan jangan menentang gurunya, tetapi menyerah seluruhnya kepada guru dengan keyakinan kepada segala nasihatnya, sebagaimana seorang sakit yang bodoh yakin kepada doktor yang ahli berpengalaman. Seharusnyalah seseorang pelajar itu tunduk kepada gurunya, mengharap pahala dan kemuliaan dengan berkhidmat kepadanya.

Berkata Asy-Sya'bi : "Pada suatu hari Zaid bin Tsabit bersolat jenazah. Sesudah solat itu selesai, lalu aku dekatkan baghalnya untuk dikenderainya. Maka datang Ibnu Abbas membawa kenderaannya kepada Zaid untuk dikenderainya. Maka berkata Zaid : *"Tak usah wahai anak paman Rasulullah."*
Berkata Ibnu Abbas : *"Beginilah kami disuruh berbuat terhadap para 'alim ulama dan orang-orang besar."*
Lalu Zaid bin Tsabit mencium tangan Ibnu Abbas seraya berkata : *"Beginilah kami disuruh berbuat terhadap keluarga Nabi kami Muhammad saw."*

Dari itu tidak layaklah bagi seorang pelajar menyombong terhadap gurunya. Termasuk sebahagian daripada menyombong terhadap guru itu ialah tidak mahu belajar kecuali pada guru yang terkenal benar keahliannya.

Ini adalah tanda kebodohan. Sebab ilmu itu jalan pelepasan dan kebahagiaan. Orang yang mencari jalan untuk melepaskan diri dari terkaman binatang buas tentu tidak akan membeza-bezakan. Apakah jalan itu ditunjuki oleh seorang yang termasyhur atau oleh seorang yang dungu. Terkaman kebuasan api neraka kepada orang yang jahil adalah lebih hebat daripada terkaman seluruh binatang buas.

Ilmu pengetahuan itu adalah barang yang hilang dari tangan seorang mu'min, yang harus (mesti) dipungutnya di mana sahaja diperolehinya. Dan harus (mesti) diucapkannya terima kasih kepada siapa sahaja yang membawa kepadanya.

Ilmu pengetahuan tidak tercapai selain dengan merendahkan diri dan penuh perhatian.

Berfirman Allah Ta'ala : ***"Sesungguhnya hal yang demikian itu menjadi pengajaran bagi sesiap yang mempunyai hati atau mempergunakan pendengarannya dengan berhati-hati."*** (Surah Qaf : 37)

Pengertian "mempunyai hati" ialah hati itu dapat menerima pemahaman bagi ilmu pengetahuan. Tidka ada tenaga yang menolong kepada pemahaman selain dengan mempergunakan pendengaran dengan ebrhati-hati dan sepenuh jiwa, supaya dapat menangkap seluruh yang diberikan guru dengan penuh perhatian, merendahkan diri, syukur, gembira dan menerima nikmat.

Hendaklah pelajar itu bersikap kepada gurunya seumpama tanah kering yang disirami hujan lebat. Maka meresaplah ke seluruh bahagiannya dan meratalah keseluruhannya air hujan itu.

Manakala guru itu menunjukkan jalan belajar kepadanya, hendaklah ditaati dna ditinggalkan pendapat sendiri. Kerana meskipun guru itu bersalah tetapi lebih berguna baginya dari kebenarannya sendiri. Sebab pengalaman mengajari yang halus-halus yang ganjil didengar, tetapi besar faedahnya.

Berapa banyak orang sakit yang dipanasi, diubati oleh doktor dengan menambah panas pada sewaktu-waktu, supaya kekuatannya bertambah sampai kepada batas (had) yang sanggup menahan pukulan ubat. Maka hairanlah orang yang tidak berpengalaman itu.

Telah diperingatkan oleh Allah dgn kisah Nabi Khidhir as dan Musa as. ***"Engkau (Musa) tidak akan sanggup bersabar bersama-sama aku. Bagaimana engkau hendak bersabar dalam persoalan yang engkau tidak berpegetahuan tentangnya?"*** (Al-Kahfi 67-68)

Lalu Nabi Khidhir membuat syarat iaitu Nabi Musa (harus) mestilah diam dan menerima sahaja. Nabi Khidhir berkata : ***"Jika engkau***

mengikut aku, maka janganlah bertanya tentang sesuatu sehingga aku sendiri yang akan menceritakan kepadamu nanti." (Al-Kahfi : 70)

Rupa-rupanya Nabi Musa as tidak sabar dan selalu bertanya, sehingga menyebabkan berpisah anatar kedua-duanya.

Pendek kata, setiap pelajar yang masih berpegang teguh kepada pendapatnya sendiri dan pilihannya sendiri di luar pilihan gurunya, maka hukumlah pelajar itu dengan keteledoran dan kerugian.

Jika engkau mengatakan, bukankah Allah Ta'ala telah berfirman : ***"Bertanyalah kepada ahli ilmu jika kamu tidak tahu."*** (An-Nahl : 43) Jadi, bertanya itu disuruh.

Maka ketahuilah, bahawa memanglah demikian tetapi mengenai persoalan yang diizinkan guru bertanya kepadanya. Bertanya tentang soal yang belum sampai ke tingkatanmu memahaminya adalah dicela. Kerana itulah maka Khidhir melarang Musa bertanya.

Oleh itu tinggalkan bertanya sebelum waktunya. Guru lebih tahu tentang keahlianmu dan kapan (bila) sesuatu ilmu itu harus (mesti) diajarkan kepadamu. Sebelum waktu itu dating dalam tingkat manapun juga, maka belumlah datang waktunya untuk bertanya.

Berkata Ali : *"Hak dari seorang yang berilmu ialah jangan engkau banyak bertanya kepadanya. Jangan engkau paksakan dia menjawab. Jangan engkau minta apabila dia malas. Jangan engkau pegang kainnya apabila dia bangun. Jangan engkau siarkan rahsianya. Jangan engkau caci ornag lain di hadapannya. Jangan engkau tuntut keteledorannya. Jika dia tersilap, terimalah kemaafannya. Haruslah engkau memuliakan dan membesarkannya kerana Allah, selama dia menjaga perintah Allah. Janganlah engkau duduk di hadapannya. Jika dia memerlukan sesuatu, ajaklah orang ramai menyelenggarakannya."*